

Perjanjian ASEAN atasi jerebu rentas sempadan

Kuala Lumpur: Undang-undang berhubung pencemaran akibat jerebu perlu dilaksanakan sebaik mungkin oleh negara pencetus dan negara penerima bagi memastikan masalah itu dapat ditangani secara berkesan.

Pensyarah kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata hanya pelaksanaan ketat undang-undang mampu menjadi benteng bagi mengelakkan 'keberanian' pihak bertanggungjawab mencetuskan jerebu.

Beliau berkata, negara pencetus iaitu negara penyebab jerebu dan negara penerima yang mengalami kesan masalah terbabit perlu sepakat menguatkuasakan undang-undang ketat.

Katanya, masalah berpunca pembakaran hutan dan ladang pertanian secara tidak terkawal itu susah untuk dihentikan jika

tiada tindakan sewajarnya dilaksanakan walaupun wujud Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan ditandatangani negara anggota ASEAN pada tahun 2002 bagi mencapai sasaran ASEAN sifar jerebu pada tahun 2020.

"Bagaimana hendak dihentikan dengan mudah jika penguatkuasaan undang-undang longgar seperti hanya mengenakan denda maksimum RM500,000 bagi kesalahan mencetuskan jerebu walaupun kesannya membabitkan seluruh negara dan berjuta penduduk," katanya kepada *BH Skor*.

Dr Haliza berkata, jerebu adalah masalah serantau yang harus dihentikan kerana membawa keburukan dan kerugian terhadap kesihatan, rutin kehidupan, persekitaran, sosial dan ekonomi dengan Malaysia dianggarkan rugi kira-kira RM907 juta akibat gangguan ekonomi dan perbelanjaan kesihatan pada tahun 1997.



Dr Haliza Abdul Rahman

Beliau berkata, masalah itu juga menyebabkan peningkatan penyakit berkaitan pernafasan terutama membabitkan kalangan bayi dan kanak-kanak yang sedang mengalami proses tumesaran serta menjejaskan rutin kehidupan masyarakat apabila tidak bebas menjalankan aktiviti di luar rumah terutama pelajar dinafikan hak belajar apabila sekolah dan universiti terpaksa ditutup pada hari bacaan IPU be-

rada pada tahap melebihi 200.

"Kesan ketara akibat masalah itu juga menyebabkan syarikat penerbangan menanggung kerugian apabila terpaksa membatalkan penerbangan, contohnya, sebanyak 22 penerbangan terpaksa dibatalkan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang, akibat jerebu pada 22 September lalu," katanya.

Dr Haliza berkata, disebabkan jerebu juga, perbelanjaan bulanan individu dan keluarga turut meningkat, selain penjual terutama pengendali perniagaan secara dalam talian mengaut keuntungan berlipat ganda bagi barangan kesihatan serta penjagaan diri, antaranya topeng muka.

"Sebenarnya, ramai ibu bapa tidak tahu mereka boleh mendapatkan bekalan topeng muka secara percuma melalui pihak sekolah daripada wakil rakyat masing-masing untuk anak-anak yang bersekolah tanpa perlu mengeluarkan wang poket sendiri," katanya.